



TRANSKRIP TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK SERI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN, JABATAN PERDANA MENTERI

PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA TKSUK

JABATAN PERDANA MENTERI

BAGI BULAN JANUARI 2016

PADA:

29 JANUARI 2016

BERTEMPAT:

DI AUDITORIUM KOMPLEKS B,

JABATAN PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA

Assalamu 'alaikum wa rahmatullahi wa barakaatuh,

Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam sehati sejiwa,

Saudara dan saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Puan Yatimah Binti Sarjiman

Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan & Pembangunan JPM

YBhg. Dato' Nadzri Bin Siron

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan JPM,

YBhg. Datin Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan

Penasihat Undang- Undang

YBhg. Ketua-Ketua Jabatan,

Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan terima kasih dan bersyukur kerana kita dapat lagi berhimpun dipagi ini,

Tahun pertama bagi Tahun 2016. Saya rasa tidak terlewat rasanya untuk mengucapkan "Selamat Tahun Baru" kepada semua warga JPM yang berada di dalam dewan ini, dan saya rasa kita pagi ini penuh bersemangat untuk mengharungi tahun 2016 yang lebih mencabar kerana nampak semua sihat, semua fit bukan untuk hari ini sahaja tetapi untuk sepanjang tahun dan hari-hari yang akan mendatang.

Difahamkan. program kita pada pagi ini ada penceramah jemputan iaitu Encik Tabah Syazwan Bin Osman, seorang pengulas sukan TV3 yang bertindak sebagai moderator untuk Program

Bual Bicara dan bersama ahli panel kita pada pagi ini iaitu Encik Mohd Sahid Bin Mustaqqa, Pensyarah Kanan Uitm Shah Alam, dan Puan Nur Syuhadah Binti Anuar, seorang 'Selebriti Sukan'. Jadi Tuan/ Puan diharap menunggu untuk mendengar kupasan tajuk atau tema kita pada bulan ini supaya kita lebih sihat dan kita lebih cergas dalam menghadapi hari-hari dan tugas seharian. Sesungguhnya saya memang mengalu-alukan apa-apa juga program khususnya program sukan yang memberi manfaat kepada semua ahli khususnya untuk menambahkan kecergasan sama ada fizikal ataupun minda supaya kita dapat terus berkhidmat lebih baik lagi. Tadi kita sudah melihat tayangan video, ada aktiviti senaman, walaupun itu senaman secara duduk dan ringkas tetapi kita juga perlu senaman fizikal yang lebih aktif supaya kita dapat lebih cergas. Kita ada bermacam-macam aktiviti yang kita laksana di JPM ini. Kelab Bukit Perdana telah melaksanakan pelbagai jenis program dan kita berharap warga JPM menggunakan sepenuhnya bilik gimnasium yang ada di kompleks kita ini. Selain itu, kita ada program *cycling*, naik gunung, naik bukit (Bukit Broga) dan sebagainya. Jadi saya minta ahli kita semua ikutlah program-program yang dilaksanakan dan telah dirancang dan saya sentiasa menyokong, mungkin selepas ini kita akan laksanakan pertandingan-pertandingan yang melibatkan semua bahagian sebab kita ada kemudahan sukan seperti futsal, netball dan sebagainya. Saya perlu mengingatkan supaya kemudahan-kemudahan ini kita kena gunakan sebab kerajaan telah mengeluarkan banyak perbelanjaan untuk kita jadi kalau kita tak gunakan ia akan menjadi suatu pembaziran besar. Jadi saya menyokonglah segala usaha yang telah dirancang juga dan yang telah disusun.

Datuk/Dato'/Tuan/Puan sekalian,

Semalam YAB Perdana Menteri telah membentangkan "Pengubahsuaian Bajet 2016" di mana YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sebuah langkah penstruktur dan pengubahsuaian bajet 2016 yang dapat menjimatkan RM9 billion dari segi perbelanjaan operasi dan pembangunan.

Langkah-langkah yang dimaksudkan adalah seperti berikut, Tuan/Puan yang tak sempat mendengar dan tidak berpeluang untuk bersama-sama di PICC mungkin saya boleh sebut sedikit 11 langkah pengubahsuaian yang dimaksudkan tersebut.

Langkah pertama adalah kerajaan setuju mengurangkan potongan caruman KWSP pekerja sebanyak 3% mulai Mac 2016 hingga Disember 2017. Walaubagaimanapun, caruman pendidikan dikekalkan dan saya jangka meningkatkan perbelanjaan penggunaan swasta sehingga 8 billion ringgit setahun.

Langkah kedua, kerajaan memberi pelepasan khas cukai sebanyak RM2,000 kepada pembayar cukai individu pendapatan RM8,000 sebulan ke bawah. Untuk tahun taksiran 2015. Dengan langkah ini, kerajaan akan kehilangan hasil sebanyak RM350 juta, namun ia dapat memberi penjimatan kepada pembayar cukai individu sehingga RM475. Khabar gembira ini akan memberi manfaat kepada lebih kurang seramai 2 juta pembayar cukai.

Langkah ketiga, mengurangkan kos harga barang keperluan melalui liberalisasi AP bagi produk pertanian terpilih, pembukaan “MyFarm” outlet oleh FAMA, penamaan kedai harga patut dan memperkenalkan Program “Myberas”.

Langkah keempat berkuatkuasa serta merta ke atas projek perumahan baharu, kerajaan akan menetapkan ke semua penilaian harga rumah berharga sehingga RM300,000 terhadap kepada pembeli rumah pertama sahaja.

Langkah kelima, selaras dengan apa YAB Perdana Menteri mengumumkan pada bajet 2016, sumbangan 30 peratus daripada levi HRDF yang berjumlah RM200 juta, akan disediakan untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran pekerja menerusi inisiatif *reskill* dan *upskill*, termasuklah pekerja yang telah diberhentikan.

Langkah keenam, meningkatkan jumlah dan kecekapan kutipan hasil. Langkah ketujuh, Kerajaan akan terus memperkembangkan sistem pengurusan pekerja asing, di mana kadar levi hanya akan diklusterkan kepada 2 kategori sahaja. Langkah kesembilan, perbelanjaan pembangunan pula, fokus akan diberikan kepada projek dan program yang mendahulukan kepentingan rakyat, serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan kandungan import yang rendah.

Langkah kesepuluh, Institusi kewangan pembangunan atau DFI dan dana modal teroka atau VC milik Kerajaan, akan menambah dana pembiayaan mereka sebanyak 6 bilion ringgit, dalam menyediakan pembiayaan kepada PKS dan syarikat permulaan. Dan langkah kesebelas, menyarankan pihak GLC, agar melaksanakan inisiatif bagi mengurangkan jurang pendapatan pengurusan atasan dan golongan pekerja, secara berperingkat. Malah, sektor swasta turut disaran melaksanakan perkara yang sama dan perkara ini akan dipantau oleh pihak EPU.

Jadi, yang diumumkan oleh sebelas langkah tadi tuan-tuan boleh lihat, boleh baca, dan ikuti dan kita akan laksanakan mana berkaitan tugas dan kerja harian kita. Tuan-tuan dan puan-puan, ini dasar kerajaan, bagi kurangkan beban dan juga memperkukuhkan ekonomi Negara dan kita sebagai penjawat awam akan melaksanakan apa jua tugas yang dicetuskan oleh

pihak kerajaan. Penjawat awam perlu meneruskan usaha mempertingkatkan produktiviti masing-masing dan memoptimumkan perbelanjaan kementerian dan jabatan masing-masing. Sektor perkhidmatan awam harus mainkan peranan sebagai pemudahcara kepada pihak sektor swasta dalam memastikan aktiviti ekonomi dan pembangunan yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar. Ini dapat menjana hasil pendapatan kerajaan meningkatkan *People Economic* dan memperkukuhkan ekonomi Negara. Justeru, saya menyeru kepada semua warga JPM supaya menyahut saranan dan cabaran yang dilontarkan oleh semua stakeholders kita supaya sekali lagi kita dapat menjulang JPM sebagai pendahulu. Maju dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan mencapai hasrat dan cita-cita khususnya kepada rakyat di mana kita telah memberi perkhidmatan kepada mereka semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tema perhimpunan pada kali ini ialah 'Warga Cergas'. Saya menyeru sekali lagi supaya JPM menitikberatkan kesihatan dengan mengamalkan gaya hidup sihat kerana ia menyumbang kepada meningkatkan produktiviti serta kualiti hidup. Saya amat berharap agar warga JPM dapat mengikuti segala aktiviti dianjurkan dan badan yang cergas boleh menyumbang kepada fikiran yang kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas harian yang kian mencabar. Saya kadang-kadang tak dapat mengikuti program-program yang telah dilaksanakan akibat daripada tugas dan kekangan masa tapi seboleh-bolehnya saya akan menyertai dan melibatkan diri bersama-sama di dalam program dan aktiviti yang dianjurkan. Hari itu, saya sempat mengikuti program berbasikal pada waktu malam, suatu program yang amat menarik, mungkin program program akan datang kita akan adakan program yang lebih besar supaya kita dapat melibatkan pelbagai pihak. Cuma yang saya nak tegur disini, kita mahu menggalakkan ramai orang menyertainya, jadi kita nak galakkan orang yang mungkin dia rasa segan nak turun, atau dia rasa rendah diri, mungkin dia tak pandai berbasikal, perlu diajak bersama-sama. Saya syorkan Kelab Bukit Perdana kena buat pelbagai program yang lebih inovatif bagi menggalakkan mereka ini turun bersama kita. Selain untuk memeriahkan acara, ianya untuk memberi amalan yang sihat kepada diri kita, mungkin seumur hidup kita tak pernah exercise pun, jadi mungkin dengan cara berjoging beramai-ramai ni menambahkan minat kita untuk bersukan. Dan saya ingatkan buatlah apa sahaja program sukan yang sesuai, yang tidak menyalahi peraturan dan budaya saya akan sokong. Insya-Allah yang mana saya boleh bantu, saya akan bantu, saya tengok Kelab Bukit Perdana, telah melaksanakan banyak aktiviti. Saya sentiasa berharap supaya kita semua memberi sokongan supaya program ini berjalan dan berterusan. Dulu kita ada senamrobik, poco poco, dangdut, sekarang dah tiada, mungkin boleh diadakan semua,

bukan nak suruh kita untuk berbanding tapi untuk memberi kecerdasan kalau dapat sejam berpeluh pun kira bagus.

Jadi bagi mengakhiri ucapan saya sebab kita ada satu lagi sesi iaitu sesi bual bicara, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program perhimpunan kali ini, lepas ni kita kena buat perhimpunan ini lebih kreatif lagi. Setiap kali perhimpunan mesti ada perkara atau idea baru yang kita nak umumkan, jadi orang berminat tengok perkara baru, di samping untuk mendengar ucapan, hebahan maklumat kita juga kena tengok apa program/perkara baru yang kita hendak diperkenalkan dalam perhimpunan supaya kehadiran warga ke perhimpunan ini dapat manfaat sepenuhnya.

Saya tidak terlambat rasanya untuk mengucapkan selamat menyambut Thaipusam kepada warga JPM yang menyambutnya pada 24 Januari yang lalu, Selamat Hari Wilayah pada 1 Februari 2016 yang akan datang dan Selamat menyambut Tahun Baru Cina pada 8 Februari 2016 kepada warga JPM yang meraikannya dan merayakannya dan kepada warga JPM sempena hari cuti umum, pastikan menjaga keselamatan, dan jangan lupa kembali semula ke pejabat untuk memulakan tugas. Semoga pada tahun 2016 kita bersama-sama mengeratkan silaturahim, bekerja keras untuk meningkatkan perkhidmatan kita supaya menjadi perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang, dan Insya-Allah dengan sokongan saudara saudari, JPM akan terus unggul dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sekian. Terima Kasih.

29 Januari 2016